

## Penyusuan ibu

Disertakan oleh Miey Ahmad  
Selasa, 13 Mei 2008

Tahun pertama kehidupan seorang bayi adalah sangat penting kerana pada jangka waktu inilah pertumbuhan fizikal dan mental mula berkembang.

Penting bagi ibu mengetahui khasiat dan kebaikan menyusukan bayi. Ini kerana dengan penyusuan ibu dapat mengelakkan jangkitan kuman khususnya jangkitan yang melibatkan paru-paru dan otak, masalah pernafasan yang mungkin disebabkan oleh kelahiran belum cukup bulan atau bayi yang lahir dengan timbang berat yang rendah. Semua faktor ini, boleh menyebabkan bayi mati.

Susu ibu tidak seperti susu lembu yang memerlukan wang untuk membelinya. Ia mudah didapati dengan tidak memerlukan botol dan mudah diberikan kepada bayi bila-bila masa sahaja dalam apa jua keadaan.

Susu ibu juga mempunyai khasiat yang tinggi dari segi kandungan zat pemakanan. Ia mudah dihadam oleh bayi yang masih mempunyai sistem penghadaman yang kurang matang dan mendapati sukar untuk menghadam makanan yang lain daripada susu ibu. Ia juga mengandungi satu bahan pelindung untuk melawan penyakit iaitu antibodi. Dengan itu ia dapat memberi pertahanan kepada bayi yang baru lahir terhadap serangan jangkitan kuman.

Oleh itu susu ibu terkandung dalam satu takungan yang jarang-jarang dimasuki kuman, risiko bayi mendapat jangkitan kuman dari penyusuan ibu adalah jauh lebih rendah berbanding dengan penyusuan botol. Satu perkara yang amat penting dan perlu difikirkan dengan mendalam oleh ibu-ibu ialah penyusuan ibu boleh menjalin hubungan yang lebih rapat antara ibu dengan bayinya.

Ada ibu-ibu yang tidak boleh menyusukan bayi kerana faktor-faktor berikut:

- Jangkitan kuman pada buah dada menyebabkan buah dada menjadi bengkak dan bernanah (abcess).
- Ibu yang sakit tenat seperti penyakit jantung dan tidak berdaya untuk menyusukan bayi. Ibu ini juga dinasihatkan supaya tidak menyusukan bayinya.
- Ibu-ibu yang mempunyai masalah pada putting susu seperti inverted nipple. Masalah ini kadangkala boleh diatasi dengan menggunakan sejenis alat yang boleh membetulkan keadaan putting buah dadanya. Ini boleh diajarkan oleh doktor.